

Tabung Persaraan

Tanpa tabungan yang kukuh sebagai sumber pendapatan selepas bersara, anda mungkin masih bekerja selepas usia 60 tahun

PERNAHKAH anda membayangkan kehidupan yang bakal dilalui selepas bersara?

Mungkin anda belum memikirkannya lagi kerana usia yang masih muda, ataupun sebenarnya dalam kegelisahan memikirkan bagaimana anda akan meneruskan kehidupan di usia emas yang hampir menjelma.

Pernahkah anda menilai keperluan kewangan anda selepas bersara? Sebagai contoh, berapakah perbelanjaan bulanan yang anda perlukan selepas bersara? Adakah RM1,000 sudah mencukupi, atau mungkin lebih?

Berdasarkan kiraan mudah dengan mengambil kira unjuran inflasi empat peratus setahun dan anda hidup sehingga usia 75 tahun, bermakna anda memerlukan tabungan berjumlah kira-kira RM220,000 ketika bersara bagi membolehkan anda berbelanja RM1,000 sebulan untuk tempoh 15 tahun.

Namun begitu, situasi setiap individu mungkin berbeza apabila mencapai usia persaraan wajib 60 tahun. Ada yang sihat, ada yang sakit, ada yang berminat untuk bekerja dan tidak kurang juga yang lebih berminat untuk berehat. Ada yang sudah tiada tanggungan, namun ada juga yang masih mempunyai anak kecil.

Justeru, keperluan kewangan setiap individu juga adalah tidak sama, namun secara idealnya setiap individu perlu mempunyai tabungan yang akan menjadi taliyan hayatnya selepas bersara.

Oleh itu, mempunyai tabungan yang kukuh amat penting apabila bersara kelak kerana ketika itu, tenaga yang ada sudah pasti tidak sekutu dahulu manakala kesihatan pula mungkin tidak begitu mengizinkan. Malah, pada masa itu juga sudah pasti kita inginkan lebih ruang untuk berehat dan beribadat.

Tanpa tabungan yang kukuh sebagai sumber pendapatan selepas bersara, hasrat itu mungkin tidak kesampaian, malah anda mungkin masih bekerja selepas usia 60 tahun. Jika anda bernasib baik mungkin ada anak yang mengambil berat, namun bagaimana jika anak-anak sendiri bergelut untuk meneruskan kehidupan?



TIP UNTUK PERSARAAN SELESA

1 Elak keluarkan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selagi bekerja

Jika boleh, jangan keluarkan wang KWSP selagi anda belum bersara kerana agak sukar mencari peluang pelaburan berisiko rendah dan mampu memberi pulangan kompetitif seperti KWSP. Pelaburan dengan KWSP juga tidak membabitkan sebarang caj perkhidmatan dan juga dikecualikan daripada cukai. Kuasa pengkompaunan akan membolehkan tabungan anda bersama KWSP dikembangkan sementara anda masih bekerja.

2 Elak menggunakan wang KWSP untuk perkara tidak menguntungkan atau berisiko tinggi

Anda sudah pasti tidak mahu kehilangan punca pendapatan sekiranya mengalami kerugian. Anda juga dinasihatkan supaya tidak menggunakan wang KWSP yang diterima sebagai sumber untuk membayar hutang, membayai majlis perkahwinan anak, membesarakan rumah atau untuk perkara-perkara lain yang tidak begitu menguntungkan atau berisiko tinggi.

3 Laburkan semula wang KWSP anda

Laburkan semula wang KWSP anda ke dalam instrumen pelaburan seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB) (jika belum mencapai had maksima), Amanah Saham 1Malaysia (AS1M) atau ASB2 untuk menjadikannya sumber pendapatan. Ketika di usia emas, anda memerlukan pelaburan yang kurang berisiko untuk memanjangkan taliyan hayatnya. Paling penting, pendapatan daripada pelaburan dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dikecualikan dari cukai pendapatan.

Katakan jumlah tabungan KWSP anda ialah RM100,000 apabila bersara. Dengan andaian agihan pendapatan sebanyak tujuh peratus setahun, anda mempunyai pendapatan sebanyak RM7,000 setahun atau RM583 sebulan.

4 Skim Pelaburan Ahli KWSP

Jika anda masih muda, anda boleh memilih untuk menjadi sedikit agresif dengan melabur ke dalam unit amanah seperti Amanah Saham Wawasan (ASW), Amanah

Saham Didik (ASD) dan Amanah Saham Gemilang (ASG) menerusi Skim Pelaburan Ahli KWSP. Jika pulangan daripada tabungan ini lebih tinggi daripada KWSP, anda berpeluang menambah jumlah tabungan yang diterima apabila bersara.

5 Melangsakan semua hutang/pinjaman ketika masih bekerja

Pinjaman rumah, kad kredit atau apa sahaja pinjaman lain sebaiknya sudah dilangsakan apabila anda bersara. Ini akan mengurangkan jumlah wang yang perlu dibelanjakan setiap bulan.

6 Menilai keperluan bulanan diri dan keluarga

Ini mengelakkan anda berbelanja melebihi kemampuan, dan sekali gus memanjangkah hayat tabung persaraan anda.

7 Gunakan soft skill

Jika anda mempunyai kemahiran seperti menulis, mengalih bahasa, mengajar atau lain-lain kemahiran insaniah (soft skill), anda boleh menggunakan untuk mendapatkan pendapatan tambahan. Lakukannya secara sampingan sahaja.

